

SOALAN NO: 71

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

**DARIPADA : Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris
[Jerantut]**

TARIKH : 10 Ogos 2017

**SOALAN : Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan: -**

apakah usaha yang dilakukan Kementerian bagi menangani kepupusan ikan air tawar terutamanya yang tersenarai di dalam Senarai Merah oleh Kesatuan Antarabangsa Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Diantara usaha-usaha yang telah dilakukan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani melalui Jabatan Perikanan Malaysia bagi menangani kepupusan ikan air tawar, termasuk yang tersenarai di dalam Senarai Merah oleh Kesatuan Antarabangsa Pemuliharaan Alam Semula Jadi (IUCN) adalah:

- (1) Melaksanakan program pelepasan benih ikan ke perairan umum secara berkala bagi pelbagai spesies ikan. Pada tahun ini, sebanyak 3.68 juta benih ikan telah dilepaskan;
- (2) Membangunkan kawasan santuari ikan air tawar di perairan sungai bertujuan untuk memulihara sumber perikanan sungai daripada ancaman kepupusan; dan
- (3) Melaksanakan program pemantauan, pengawasan dan penguatkuasaan di perairan sungai. Pada tahun 2017, sebanyak 12 program seumpamanya telah dilaksanakan.